



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Triniti 15 - 8 September 2024

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau mengajar kami melalui Anak-Mu bahawa kasih memenuhi hukum. Perkenankan agar kami mengasihi Engkau dengan segenap hati dan mengasihi sesama kami seperti diri kami sendiri, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Markus 7:24-akhir

Pembacaan Berbalas-balas -  
Yakobus 1:1-12



**melatih iman kita**

- Yakobus 1:22



Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/  
@christchurchlikasstreams](https://www.youtube.com/@christchurchlikasstreams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun  
bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. 'LATIH IMAN KITA'

Bermula hari ini, kita memulakan siri khutbah baharu yang mengkaji Kitab Yakobus. Buku pendek ini penuh dengan nasihat untuk pengikut Yesus untuk mengamalkan iman kepercayaan mereka. "Menjadi pelaku firman, dan bukan hanya pendengar saja, sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri" - 1:22. Topik untuk beberapa minggu akan datang:

- 'Bersukacitalah' - Yakobus 1:1-12
- 'Berteguhlah' - Yakobus 1:13-18
- 'Bergiatlah' - Yakobus 1:19-25
- 'Bersikaplah Adil' - Yakobus 2:1-13

Mulakan membaca Kitab Yakobus; dan nikmatilah mendengar suara Tuhan.

## 2. **HELO-HELO !!**

Bagi memudahkan kita semua berhubung antara satu sama lain dengan lebih baik, sila pertimbangkan untuk menggunakan panduan berikut dalam perbualan anda:

- Nama saya ialah ... (panggilan yang anda rasa senang)
- Saya tinggal di ... (beritahu kawasan, atau taman)
- Saya datang ke gereja pagi ini dengan ... (kereta? Berjalan kaki? Grab?)

Nikmatilah berada di antara umat Tuhan.

## 3. **RIBUAN TERIMA KASIH**

Jutaan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada jualan makanan pada Ahad lepas. Lebih RM3000/- telah dikumpul untuk membantu anak muda kita menghadiri Konferensi Muda-mudi BM Diosis, Telupid. Kami ada buat jualan lagi pada hari ini. Mensasarkan RM2000/- lagi.


## 4. **PERSEKUTUAN DOA BAHASA INGGERIS**

Khamis ini, 12 Sep, 8:00 pm - hibrid, di Dewan Alpha & menerusi Zoom. Fokus: Membangkitkan Pekerja-pekerja Injil.

Meeting ID: 849 0600 4194 Passcode: 0224

## 5. **KONFERENSI-KONFERENSI DIOISIS**

- 15-17 Sep - **Konferensi Doa 'Penerobosan'**, mencécah 500 peserta mendaftar; termasuk 31 dari gereja kita. Sesi Pembukaan, 15 Sep, 7:30 mlm, terbuka kepada semua. Masih boleh datang dan terus daftar. Rujuk papan informasi.
- 8 Sep - **'Perancangan Strategik'**. Sesi khas untuk paderi, pastor, pemimpin gereja dan pendoa syafaat. Kemasukan adalah percuma; tetapi pendaftaran diperlukan (di Meja Pelayanan Jemaat kami).
- 16-18 Sep - Latihan Pemimpin Awam (LPA) BM, di Telupid. Lebih 1000 orang yang terdiri daripada





paderi, pastor, dan pemimpin gereja telah mendaftar.

- 19-21 Sep - Khemah Muda-mudi BM, di Telupid. Hampir 3000 anak muda telah mendaftar.

## 6. KONFERENSI-KONFERENSI DIOSIS YANG LAIN

- 30 Sep-2 Okt, Kudat - **Konferensi Belia BM Diosis.** 16 belia kita telah mendaftar. Pendaftaran masih dibuka.
- 30 Okt-1 Nov, Katedral All Saints - **Konferensi Pemimpin BC & BI.** Menyeru semua paderi, pastor, pemimpin awam dan pemimpin pelayanan lain, untuk diperlengkapkan lagi demi untuk melayani dalam pelbagai pelayanan. Bisyop Stephen Soh, Diosis Malaysia Barat, adalah fasilitator utama.
- 30-31 Okt, Christ Church Likas - **Konferensi Pendidikan.** Menyeru semua guru, pendidik, ahli lembaga sekolah, dan paderi kita untuk datang dan mendapatkan inspirasi untuk menjadi 'misionari' kepada generasi pelajar yang akan datang. Encik Cheli Tamilselvam, Pengurus Persekutuan Guru Kristian (TCF), Malaysia Barat, adalah fasilitator utama. Untuk butiran, rujuk papan informasi.



## 7. SEKOLAH ST. AGNES MERAYAKAN 110

Sungguh suatu pencapaian penting!! Memanggil semua alumni dan orang ramai bersama-sama memeriahkan majlis makan malam kesyukuran, pada 19 Okt. Kupon makan malam tersedia di Meja Pelayanan Jemaat.

## 8. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- **Mesyuarat PCC** - Sabtu, 14 Sep, Dewan Alpha, 2:00 ptg.
- **Jawatan kosong di ARK:** Pembantu dapur dan Pencuci pakaian & Pembersihan. Jika berminat, sila hubungi: 016-818 9013.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Alvin Liew & keluarga.

## 9. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM119,065/- Minggu lepas: RM2,170/- Masih diperlukan: RM480,935/-

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**  
**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**  
**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



Latih Iman Kita  
Bersukacitalah  
Yakobus 1:1-12

Untuk renungan & perbincangan:

1. Apa yang membuatkan anda sedih? Apa yang membuatkan anda gembira?
2. Baca Yakobus 1:2. Bagaimanakah kita melatih iman kita apabila kita menghadapi pelbagai cabaran dalam hidup? Mengapa sikap positif itu penting? Baca juga Filipi 4:4 dan Ibrani 12:2.
3. Baca Yakobus 1:3-4. Apakah nilai dibalik mengharungi dugaan hidup? Kongsi beberapa ujian yang biasa kita hadapi. Adakah kesabaran itu penting dalam hidup kita? Mengapa atau mengapa tidak? Kongsi satu atau dua watak Alkitab yang perlu kita belajar tentang kesabaran sebelum dipakai oleh Tuhan.
4. Baca Yakobus 1:5-8. Apakah yang harus kita lakukan apabila kita tidak memahami mengapa ujian tertentu datang ke dalam hidup kita? Bagaimana kita boleh bertanya dengan yakin? Adakah kita sentiasa memahami setiap apa yang kita minta daripada Allah? Mengapa, atau mengapa tidak?
5. Baca Yakobus 1:9-11. Ujian memberi kesan kepada orang kaya dan orang miskin. Bagaimanakah seharusnya kedua-dua pihak itu bertindak balas terhadap ujian? Ujian akan berakhir; apabila Yesus kembali. Atau kita kembali kepada-Nya. Bagaimanakah kehidupan digambarkan dalam ayat 10-11?
6. Baca Yakobus 1:12. Sebelum Yesus kembali, bagaimana seharusnya reaksi pengikut-Nya terhadap ujian? Apakah yang dimaksudkan dengan 'bertahan'? Bagaimanakah kita boleh menggalakkan satu sama lain untuk tetap setia di tengah-tengah ujian?

## UNTUK DIDOAKAN

### **Provinsi kita yang tercinta**

- agar masyarakat dapat diubah oleh Injil
- [berdoa untuk para misionari yang bekerja di kawasan yang berbeza di seluruh Provinsi]

### **Diosisis kita yang dikasih**

- agar hidup akan mengalami perubahan melalui Konferensi Doa, Konferensi Pemimpin Awam & Konferensi Muda-mudi
- [berdoa untuk pekerjaan Roh Tuhan yang hebat]

### **Diri kita sendiri**

- agar kita menyedari akan keperluan antara satu sama lain
- [berdoa supaya kita dapat belajar mengasihi orang yang kita rasa sukar untuk dikasih]
- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.